

**D.R. 28/2014**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Kawalan Bekalan 1961.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kawalan Bekalan (Pindaan) 2014.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 6**

2. Akta Kawalan Bekalan 1961 [*Akta 122*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dengan menggantikan perenggan 6(2)(*k*) dengan perenggan yang berikut:

“(k) limiting the quantity of any controlled article which may be acquired or held by any person or class of persons including providing for the registration of the person

or class of persons, the issuance of user cards by the Controller or any person authorized by the Controller, and the imposition of conditions, fees or charges in respect of the issuance of the user cards;”.

### **Pindaan seksyen 20**

#### **3. Seksyen 20 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “or other person authorized by the said subsection to carry out the search and” dengan perkataan “, the supplies officer or the police officer not below the rank of Inspector and”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) Any vehicle, vessel or other article, by means of which an offence has been committed under this section or which is intended to be used for the commission of the offence, may be removed by the Controller, the supplies officer or the police officer not below the rank of Inspector and, if not claimed within one month of the removal, may be sold or disposed of by the Controller as he thinks fit, and the proceeds of such sale, if any, shall be paid into the Consolidated Fund.”.

### **Pindaan seksyen 22**

#### **4. Seksyen 22 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (1)—
  - (i) dengan menggantikan perkataan “one hundred thousand” dengan perkataan “one million”; dan
  - (ii) dengan menggantikan perkataan “two hundred and fifty thousand” dengan perkataan “three million”; dan

(b) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “two hundred and fifty thousand” dengan perkataan “two million”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “five hundred thousand” dengan perkataan “five million”.

## **Pindaan seksyen 26**

**5. Seksyen 26 Akta ibu dipinda—**

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) any controlled article, in respect of which the offence has been committed, which has been seized by or has otherwise come into the possession of the Controller or any person acting under his authority;”;  
dan

- (ii) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa) any property of the accused, vehicle, vessel or other article, by means of which the offence has been committed or which is intended to be used for the commission of an offence against this Act; or”;  
dan

(b) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “proceeds of sale,” perkataan “property of the accused,”.

---

### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kawalan Bekalan 1961 (“Akta 122”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda perenggan 6(2)(k) Akta 122 untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi mengehadkan kuantiti apa-apa barang kawalan yang boleh diperolehi atau dipegang oleh mana-mana orang atau golongan orang termasuk memperuntukkan pendaftaran orang atau golongan orang itu, pengeluaran kad pengguna oleh Pengawal atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pengawal, dan penganan syarat, fi atau caj berkenaan dengan pengeluaran kad pengguna itu.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 20 Akta 122.

*Subfasal 3(a)* bertujuan untuk meminda subseksyen 20(4) Akta 122 untuk menjelaskan bahawa apa-apa barang kawalan yang dijumpai dalam perjalanan sesuatu pemeriksaan di bawah subseksyen 20(2) Akta 122 boleh dipindahkan oleh Pengawal, pegawai bekalan atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang disebut dalam subseksyen 20(2) Akta 122.

*Subfasal 3(b)* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 20(5) ke dalam Akta 122 untuk memberi Pengawal, pegawai bekalan atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang disebut dalam subseksyen 20(2) Akta 122 kuasa untuk memindahkan apa-apa kenderaan, vesel atau barang lain, yang dengannya suatu kesalahan telah dilakukan di bawah seksyen 20 Akta 122 atau yang diniatkan untuk digunakan bagi melakukan kesalahan itu. Jika kenderaan, vesel atau barang lain itu tidak dituntut dalam masa satu bulan dari pemindahan itu, Pengawal diberi kuasa untuk menjual atau melupuskan kenderaan, vesel atau barang lain itu, dan hasil jualan itu, jika ada, hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 22 Akta 122.

*Subfasal 4(a)* bertujuan untuk meminda subseksyen 22(1) Akta 122 untuk menaikkan penalti denda bagi suatu kesalahan yang dilakukan oleh seseorang, selain pertubuhan perbadanan, terhadap Akta 122 daripada tidak melebihi satu ratus ribu ringgit kepada tidak melebihi satu juta ringgit, dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, daripada tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit kepada tidak melebihi tiga juta ringgit.

*Subfasal 4(b)* bertujuan untuk meminda subseksyen 22(2) Akta 122 untuk menaikkan penalti denda bagi suatu kesalahan yang dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan terhadap Akta 122 daripada tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit kepada tidak melebihi dua juta ringgit, dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, daripada tidak melebihi lima ratus ribu ringgit kepada tidak melebihi lima juta ringgit.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 26 Akta 122.

*Perenggan 5(a)(ii)* bertujuan untuk menggubal semula perenggan 26(1)(a) Akta 122 dan untuk memasukkan perenggan baru 26(1)(aa) ke dalam Akta 122 untuk menjelaskan bahawa jika seseorang disabitkan dengan suatu kesalahan terhadap Akta 122, mahkamah boleh memerintahkan perampasan secara

keseluruhan atau sebahagian apa-apa harta tertuduh, kenderaan, vesel atau barang lain, yang dengannya suatu kesalahan telah dilakukan atau yang diniatkan untuk digunakan bagi melakukan kesalahan terhadap Akta 122.

*Subfasal 5(b)* bertujuan untuk meminda subseksyen 26(2) Akta 122 untuk menghendaki mahkamah untuk menyerahkan harta tertuduh yang dirampas kepada Pengawal (jika belum lagi berada dalam milikan Pengawal) atau kepada mana-mana orang yang dinamakan oleh Pengawal, dan Pengawal hendaklah memberikan arahan berkenaan dengan pelupusan harta tertuduh itu.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)2959]